



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JPW ANJUR AGS ZON SELATAN TINGKAT KESEDARAN MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL

PAGOH, 20 OKTOBER - YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual Zon Selatan yang berlangsung di Dewan Konvensyen, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor.

Penganjuran Program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merupakan siri kedua dilaksanakan di Zon Selatan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai gangguan seksual terutamanya kepada golongan mahasiswa di seluruh negara. Program ini melibatkan seramai 700 orang peserta yang merupakan pelajar dari universiti berdekatan.

Sehingga 15 Oktober 2024, Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS) telah menerima 12 aduan gangguan seksual melibatkan pengadu wanita dan responden lelaki. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat (4) aduan telah selesai didengar dalam tempoh 60 hari dari hari pertama pendengaran selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 19(1) Akta 840. Setakat ini TAGS telah mengeluarkan empat (4) award (keputusan) bagi aduan gangguan seksual melibatkan pengadu wanita dan responden lelaki. Berdasarkan keterangan dan bukti yang dikemukakan, panel TAGS telah membuat dua (2) award yang memihak kepada pengadu manakala satu (1) award tidak memihak kepada pengadu di mana aduan telah ditolak dan satu (1) aduan dibatalkan kerana responden telah meninggal dunia. Award yang dibuat adalah berdasarkan tahap pembuktian aduan di atas imbalan kebarangkalian.

Antara pengisian program kali ini ialah slot Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kenali Tribunal Antigangguan Seksual oleh Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS), ceramah Jauhi Buli Siber oleh Cybersecurity Malaysia dan *Coffee Talk With* YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan acara *Mural Signing* yang merupakan simbolik kepada komitmen dan sokongan semua pihak dalam menangani gangguan seksual.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan, pemahaman dan kesedaran mengenai gangguan seksual serta pengoperasian Tribunal Antigangguan Seksual dan menyebarkan pemakaian garis panduan serta notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, menyampaikan maklumat bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWK M terutama untuk menangani isu gangguan seksual, meningkatkan pencegahan dan kesedaran antigangguan seksual terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

KPWKM melalui JPW komited membangunkan potensi serta mendayaupayakan wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat selain memperkasakan golongan ini agar terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Turut hadir YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWK M, YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 OKTOBER 2024**